

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
NEGERI PERLIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024
PRINSIP PERAKAUNAN
Tingkatan 5
Kertas 1
1 1/4 jam


Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak

- 1 Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada kitaran perakaunan.



Rajah 1

Apakah **X** ?

- A** Pelarasan
 - B** Imbangan Duga
 - C** Catatan Penutupan
 - D** Buku Catatan Pertama
- 2 Kedai Elektrik Sinaran mengamalkan **P** dalam perniagaannya.

Van telah direkod pada harga belian iaitu RM25 000 walaupun pada harga pasaran adalah RM10 000.

Apakah **P** ?

- A** Ketekalan
 - B** Prinsip Kos
 - C** Kos Manfaat
 - D** Entiti Berasingan
- 3 Urus niaga berikut berlaku dalam Syarikat Komputer Kelly.

R	S
Pemilik membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan pejabat.	Pemilik mengambil tunai untuk membayar bil elektrik rumah kediamannya.

Apakah kesan urus niaga **R** dan **S** terhadap Akaun Modal ?

	R	S
A	Berkurang	Berkurang
B	Berkurang	Bertambah
C	Bertambah	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah

4 Antara berikut, manakah dokumen bukan sumber?

- I Nota Serahan
- II Pesanan Belian
- III Makluman Debit
- IV Baucar Pembayaran

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

5 Pilih padanan bagi dokumen dan urus niaga yang betul.

	Dokumen	Urus Niaga
A	Invois	Belian secara kredit
B	Nota Debit	Pulangan barang niaga
C	Resit Rasmi	Penerimaan diskaun tunai
D	Keratan Cek	Penerimaan wang

6 Urus niaga yang berikut diambil daripada Perniagaan Ayumi.

2024
Jan 23 Menghantar nota debit kepada Edira Enterprise RM230

Bagaimanakah urus niaga ini dicatatkan?

A **Jurnal Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		RM
Jan 23	Edira Enterprise	230

B **Jurnal Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		RM
Jan 23	Edira Enterprise	230

C **Jurnal Pulangan Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		RM
Jan 23	Edira Enterprise	230

D **Jurnal Pulangan Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		RM
Jan 23	Edira Enterprise	230

[Lihat halaman sebelah
SUITE

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Perabot Syamin.

Pada 15 Julai 2023, Kedai Perabot Syamin menerima cek RM2 500 daripada Syaza Enterprise bagi menjelaskan hutangnya sebanyak RM2 600.

Catatan dalam Buku Tunai yang manakah betul?

A

Dt Buku Tunai (petikan)					
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2023 Jul 15	Syaza Enterprise	RM	RM	RM 2 600	

B

Dt. Buku Tunai (petikan)					
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2023 Jul 15	Syaza Enterprise	RM 100	RM	RM 2 500	

C

Buku Tunai (petikan)					Kt.
	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2023 Jul 15	Syaza Enterprise	RM 100	RM	RM 2 500

D

Buku Tunai (petikan)					Kt.
	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2023 Jul 15	Syaza Enterprise	RM	RM	RM 2 600

- 8 Encik Azwira telah membawa masuk sebuah pendingin hawa peribadi untuk kegunaan perniagaan memandangkan cuaca yang panas sekarang.

Manakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Lekapan	Modal
B	Modal	Lekapan
C	Alatan pejabat	Modal
D	Modal	Alatan pejabat

[Lihat halaman sebelah
SUJUT

- 9 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Senang Lenang Enterprise.

2023		RM
Jan 1	Baki debit Lejar Jualan	640
Dis 31	Pulangan masuk	150
	Bayaran daripada Akaun Belum Terima	2 860
	Hutang lapuk	280
	Hutang lapuk terpulih	300
	Baki debit Lejar Jualan	670

Berapakah jualan kredit?

- A** RM1 680
B RM1 980
C RM3 020
D RM3 320
- 10 Berikut ialah petikan kad inventori bagi baju muslimah.

Tarikh	Dokumen	Masuk			Keluar			Baki		
		Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM	Kuantiti	Harga RM	Amaun RM
Mac 1	Baki b/b							100	50	
5	Invois asal	200								
12	Nota kredit asal				8					
15	Invois salinan				50					X

Berapakah **X**?

- A** RM12 100
B RM12 900
C RM15 000
D RM17 900

11 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Suria pada 31 Disember 2023

	RM
Jualan	80 000
Belian	32 000
Pulangan keluar	230
Pulangan masuk	360
Inventori awal	14 600
Inventori akhir	24 500
Angkutan masuk	380

Berapakah untung kasar?

- A** RM57 390
- B** RM57 650
- C** RM57 770
- D** RM58 030

12 Apakah tujuan Penyata Kedudukan Kewangan disediakan?

- A** Mengetahui untung atau rugi bersih sesebuah perniagaan
- B** Mengetahui untung atau rugi kasar sesebuah perniagaan
- C** Menunjukkan semua hasil dan belanja perniagaan
- D** Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan

- 13** Pada 30 April 2024, kad inventori menunjukkan jumlah inventori akhir RM3 270. Manakah catatan yang betul?

A

Akaun Inventori					
2024			2024		
			RM		
Apr 30	Untung rugi		3 270	Apr 30	Baki h/b
			<u>3 270</u>		<u>3 270</u>
Mei 1	Baki b/b		3 270		

B

Akaun Inventori					
2024			2024		
			RM		
Apr 30	Baki h/b		3 270	Apr 30	Perdagangan
			<u>3 270</u>		<u>3 270</u>
				Mei 1	Baki b/b
					<u>3 270</u>

C

Akaun Inventori					
2024			2024		
			RM		
Apr 30	Perdagangan		3 270	Apr 30	Baki h/b
			<u>3 270</u>		<u>3 270</u>
Mei 1	Baki b/b		3 270		

D

Akaun Inventori					
2024			2024		
			RM		
Apr 30	Baki h/b		3 270	Apr 30	Untung rugi
			<u>3 270</u>		<u>3 270</u>
				Mei 1	Baki b/b
					<u>3 270</u>

14 Apakah catatan jurnal bagi merekodkan insurans prabayar?

	Debit	Kredit
A	Insurans	Insurans prabayar
B	Insurans prabayar	Insurans
C	Insurans prabayar	Untung rugi
D	Untung rugi	Insurans prabayar

15 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Milano.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	30 500	
Peruntukan hutang ragu		540

Maklumat tambahan:

- i) Seorang pelanggan didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM800 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- ii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% daripada Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah peruntukan hutang ragu yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A** RM945
- B** RM1 485
- C** RM1 525
- D** RM2 025

- 16 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada Perniagaan Manjalara pada 1 April 2023.

	Harga Kos	Nilai Buku
	RM	RM
Kenderaan	72 800	58 240

Bagi tahun berakhir 31 Mac 2024, kenderaan tersebut disusut nilaikan pada kadar 20% mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai terkumpul pada 31 Mac 2024?

- A RM11 648
- B RM14 560
- C RM26 208
- D RM32 032

- 17 Apakah catatan bergu untuk merekod Untung atas Pelupusan Aset Bukan Semasa?

	Debit	Kredit
A	Bank	Untung atas Pelupusan Aset Bukan Semasa
B	Pelupusan Aset Bukan Semasa	Aset Bukan Semasa
C	Pelupusan Aset Bukan Semasa	Untung atas Pelupusan Aset Bukan Semasa
D	Untung atas Pelupusan Aset Bukan Semasa	Pelupusan Aset Bukan Semasa

- 18 Manakah menunjukkan kesilapan ketara?

- A Jumlah jualan kredit bernilai RM6 000 tetapi direkodkan sebagai RM16 000
- B Jualan tunai RM430 terlebih rekod sebanyak RM20 dalam Akaun Jualan dan Buku Tunai
- C Belian barang niaga bernilai RM8 290 daripada Pembekal Alia telah dicatat sebagai RM8 920 dalam kedua-dua akaun
- D Belian barang niaga bernilai RM7 111 secara kredit daripada Pembekal Wong tidak direkodkan dalam mana-mana buku

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



[Lihat halaman sebelah
 SUKSES

- 19** Jualan kepada Encik Harith RM2 002 tersalah rekod ke dalam akaun Encik Hadith. Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A** Kesilapan amaun
- B** Kesilapan prinsip
- C** Kesilapan komisen
- D** Kesilapan ketinggalan

- 20** Berikut adalah petikan Imbangan Duga yang diperoleh daripada Syarikat Sonia.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2023 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	150 000	
Belanja membaiki kenderaan	3 280	

Maklumat tambahan:

- i) Belanja membaiki kenderaan RM1 600 tersilap rekod ke dalam Akaun Kenderaan.

Manakah catatan yang betul dalam Akaun Untung Rugi?

- A** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM	
Belanja membaiki kenderaan	1 680	

- B** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM	
Belanja membaiki kenderaan	4 880	

- C** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

		RM
	Belanja membaiki kenderaan	1 680

- D** Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

		RM
	Belanja membaiki kenderaan	4 880

- 21** Perniagaan Muzaini memperoleh pulangan atas modal 14.3%.

Manakah tafsiran yang betul?

- A** Bagi setiap RM1 modal dilaburkan, untung kasar yang diperoleh ialah 14 sen
- B** Bagi setiap RM1 modal dilaburkan, untung bersih yang diperoleh ialah 14 sen
- C** Bagi setiap RM1 modal dilaburkan, untung kasar yang diperoleh ialah RM1.43
- D** Bagi setiap RM1 modal dilaburkan, untung bersih yang diperoleh ialah RM1.43

- 22** Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Ansori.

	RM
Jualan	10 500
Inventori pada 1 Mei 2023	2 100
Inventori pada 30 April 2024	1 260
Untung kasar adalah 20% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A** 2.5 kali
- B** 4 kali
- C** 5 kali
- D** 6.3 kali

- 23** Antara berikut, manakah situasi rekod tak lengkap yang boleh berlaku dalam sesebuah perniagaan?

- I** Tiada kawalan tunai dalam perniagaan
- II** Tidak mengamalkan sistem catatan bergu
- III** Rekod-rekod perakaunan musnah dalam banjir
- IV** Peniaga tidak merancang perniagaan dengan baik

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 24 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Kedai Alatan Sukan Johan.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Modal	46 200	62 370

Maklumat tambahan:

- i) Ambilan adalah sebanyak RM2 750.
- ii) Modal tambahan berjumlah RM9 240.

Berapakah untung atau rugi bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

- A** Rugi bersih RM4 180
- B** Untung bersih RM4 180
- C** Rugi bersih RM9 680
- D** Untung bersih RM9 680

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Kasim Baba pada 31 Julai 2024.

	1 Ogos 2023	31 Julai 2024
	RM	RM
Baki kredit Akaun Belum Bayar	3 900	1 200
Belian tunai		2 700
Pembayaran cek		5 500
Pulangan Belian		300

Berapakah jumlah belian?

- A** RM3 100
- B** RM5 800
- C** RM7 900
- D** RM8 500

26 Butiran manakah tidak diambil kira bagi mengemas kini Buku Tunai sebelum Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A** Cek tak laku
- B** Perintah sedia ada
- C** Cek bulan sebelumnya
- D** Penerimaan terlebih catat

27 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Hasanah Berhad.

	RM
Baki debit di Penyata Bank	350
Deposit belum dikreditkan	3 000
Cek belum dikemukakan	2 500

Berapakah baki di Buku Tunai?

- A** Debit RM850
- B** Kredit RM850
- C** Debit RM150
- D** Kredit RM150

28 Antara berikut, yang manakah butiran penerimaan dalam Belanjawan Tunai?

- I** Utiliti
- II** Modal
- III** Faedah atas pinjaman
- IV** Faedah atas simpanan

- A** I dan III
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** II dan IV

29 Aryan dan Junaidah ialah pekongsi dalam Perkongsian Arjuna yang tidak mempunyai ikatan perkongsian.

Bagaimanakah pembahagian untung atau rugi antara pekongsi mengikut Akta Perkongsian 1961 ?

- A** Dibahagikan mengikut nisbah modal
- B** Dibahagikan mengikut 1 : 2
- C** Dibahagikan mengikut 2 : 3
- D** Dibahagikan sama rata

30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian RIA.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2024 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Pinjaman : Rania		25 000
Faedah atas pinjaman	200	

Ikatan perkongsian :

- i) Faedah atas pinjaman 5%.

Berapakah jumlah faedah yang direkod dalam Akaun Semasa ?

- A** RM1 050
- B** RM1 240
- C** RM1 250
- D** RM1 450

- 31 Kamelia mengambil alih komputer bernilai RM 3 500 apabila perkongsian dibubarkan. Apakah catatan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Alatan Pejabat	3 500	
Realisasi		3 500

B

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Alatan Pejabat	3 500	
Modal Kamelia		3 500

C

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal Kamelia	3 500	
Alatan Pejabat		3 500

D

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal Kamelia	3 500	
Realisasi		3 500

- 32 Manakah yang menerangkan ciri syer biasa ?

- A** Kadar dividen tetap
- B** Dividen bersifat timbun tambah (kumulatif)
- C** Dividen diterima terlebih dahulu daripada saham keutamaan
- D** Mempunyai hak mengundi untuk melantik lembaga pengarah syarikat

- 33 Pada 1 Februari 2024, Syarikat Zamzam Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit syer biasa pada harga RM1.50 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan 15 Februari 2024, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Bagaimanakah terbitan syer direkod dalam Jurnal Am.

A Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024			
Feb 1	Modal Syer Biasa Permohonan Syer Biasa	1 000 000	1 000 000
Feb 15	Permohonan Syer Biasa Bank	1 000 000	1 000 000

B Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024			
Feb 1	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa	1 000 000	1 000 000
Feb 15	Bank Permohonan Syer Biasa	1 000 000	1 000 000

C Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024			
Feb 1	Modal Syer Biasa Permohonan Syer Biasa	1 500 000	1 500 000
Feb 15	Permohonan Syer Biasa Bank	1 500 000	1 500 000

D Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024			
Feb 1	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa	1 500 000	1 500 000
Feb 15	Bank Permohonan Syer Biasa	1 500 000	1 500 000

[Lihat halaman sebelah
SUJUT

- 34** Syarikat Untong Sakan Berhad telah menerbitkan 150 000 unit 7% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 200 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada akhir tempoh perakaunan, keuntungan yang diperoleh ialah RM47 000 dan akan diagihkan kepada pemegang syer.

Berapakah dividen akhir yang diberi kepada pemegang syer biasa?

- A** 12%
- B** 13%
- C** 15%
- D** 18%
- 35** Apakah sumber pendapatan utama bagi kelab dan persatuan?
- A** Yuran masuk
- B** Yuran keahlian
- C** Yuran pendaftaran
- D** Yuran pertandingan
- 36** Maklumat berikut adalah berkaitan yuran yang diterima oleh Kelab Dodgeball Taman Utara Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

	RM
Yuran tahun 2022	175
Yuran tahun 2023	3 000
Yuran tahun 2024	375

Maklumat tambahan:

- i) Pada 1 Januari 2023 yuran belum terima RM200
- ii) Yuran tahun 2023 yang belum terima ialah RM225

Berapakah yuran yang dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A** RM2 800
- B** RM3 200
- C** RM3 225
- D** RM3 900

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Futsal Kangar Jaya pada 1 Januari 2024.

	RM
Kelengkapan	20 000
Yuran belum terima	1 200
Yuran belum terperoleh	800
Bank	9 400
Akaun belum bayar	2 740

Berapakah jumlah dana terkumpul?

- A RM28 660
- B RM27 060
- C RM26 260
- D RM24 660

- 38 Maklumat berikut adalah kos yang terlibat dalam pengeluaran pakaian oleh Segak Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

	RM
Bahan langsung	130 000
Upah buruh kilang	43 000
Gaji pengurus kilang	12 000
Hak cipta	1 800
Sewa kilang	14 000

Maklumat tambahan:

- i) Gaji pengurus kilang termasuk upah buruh kilang RM1 000.

Berapakah jumlah kos prima?

- A RM174 800
- B RM175 800
- C RM186 800
- D RM187 800

39 Pernyataan manakah menerangkan kos berubah?

- A** Kos yang dibayar untuk penggunaan faktor pengeluaran tetap
- B** Kos yang perlu dibelanjakan walaupun tiada pengeluaran
- C** Kos yang tidak berubah walaupun pengeluaran berubah
- D** Kos yang berubah mengikut tingkat pengeluaran

40 Maklumat berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Syarikat Bersatu Sdn. Bhd.

Tahun	Unit Jualan	Jumlah Kos (RM)	Jumlah Jualan (RM)
2022	20 000	38 000	40 000
2023	40 000	62 000	80 000

Kos tetap dan harga jualan diandaikan malar pada kedua-dua tahun.

Berapakah jumlah kos tetap?

- A** RM48 000
- B** RM38 000
- C** RM24 000
- D** RM14 000

KERTAS SOALAN TAMAT